

01 NOV 2001

TIDAK PERLU BAGI MALAYSIA AMBIL INISIATIF BAWA AMERIKA KE ICJ

PUTRAJAYA, 1 Nov (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata hari ini tiada keperluan bagi Malaysia mengambil inisiatif untuk membawa Amerika Syarikat ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) bagi menghadapi tuduhan menyebabkan kematian orang tidak bersalah di Afghanistan.

"Saya rasa tidak ada keperluan itu. Tidak perlu bagi kita mengambil langkah susulan kerana, dalam hal ini, Malaysia bukan negara yang terlibat.

"Jadi kita tinggalkan setakat itu. Tidak wajar bagi kita membuat keputusan bagi pihak negara-negara lain," kata beliau kepada pemberita selepas memberi taklimat mengenai rundingan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Bahrain Shaikh Khalifa bin Salman Al Khalifa, di sini.

Syed Hamid diminta mengulas cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim pada Isnin lepas supaya Malaysia mengambil inisiatif dalam usaha untuk membentangkan resolusi di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan untuk memfailkan petisyen menghadapkan US ke ICJ.

Kepada satu soalan, Syed Hamid menegaskan sekali lagi bahawa Malaysia adalah negara yang selamat dan bukan tempat untuk kumpulan pengganas.

-- BERNAMA
MAM AZZ NMO